



| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Karnival Pendidikan Mara jadi platform belia cari kerja | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 25 Mar 2013 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 197,952 |
| Page No | 13 | Readership | 833,287 |
| Language | Malay | ArticleSize | 253 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,001 |



Karnival Pendidikan Mara jadi platform belia cari kerja

KUANTAN 24 Mac - Siri Jelajah Karnival Pendidikan Mara 2013 yang diadakan selama dua hari bermula semalam di Pusat Konvensyen Sultan Ahmad Shah di sini, mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran lebih 30,000 pengunjung.

Ini membuktikan usaha Mara menganjurkan karnival tersebut yang turut melibatkan pameran kerjaya berjaya memberi kefahaman kepada lepasan sekolah serta golongan belia dalam menentukan hala tuju pendidikan serta kerjaya mereka.

Seorang pengunjung, **Zulfakri Zulkefli**, 26, berkata, terdapat pelbagai peluang pekerjaan ditawarkan dalam program tersebut yang dilihat mampu menjadi platform bagi lepasan sekolah menentukan bidang kerjaya yang ingin diceburi pada masa depan.

"Langkah yang diambil oleh Mara amat baik kerana pencari kerja dapat berhubung secara terus dengan bakal majikan dan saya boleh bertanya secara terus mengenai skop pekerjaan," kata lepasan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) itu.

Bagi **Nor Atiqah Ismail**, 25, ker-

jaya yang ditawarkan di karnival itu memudahkan pengunjung membuat pilihan terbaik asalkan mempunyai minat dan kesungguhan yang tinggi.

Dia yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam berkata, penglibatan pelbagai syarikat dan agensi pada program itu memudahkan pencari kerja membuat pilihan terbaik mengikut kemahiran dan kelayakan.

"Kita seharusnya tidak melepaskan peluang keemasan ini yang banyak memberi manfaat serta informasi berguna khususnya kepada golongan belia dan lepasan sekolah," katanya.

Seorang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), **Wan Mohd. Asyraf Wan Mohd. Zaki**, 18, berkata, kunjungan bersama rakan-rakan ke karnival tersebut banyak membantunya mendapatkan maklu-

mat awal untuk membuat perancangan masa depan terutama mengenai bidang pengajian yang sesuai dengan kelayakan dan minatnya.

"Terdapat pelbagai tawaran kursus disediakan institusi pengajian tinggi (IPT) terutama bidang ke-

juruteraan elektrik yang sememangnya saya idamkan," kata bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultanah Hajjah Kalsom itu.

Sementara itu seorang bapa, **Ismail Osman**, 53, berkata, selain peluang pekerjaan, penganjuran karnival itu turut menyediakan khidmat temu duga terbuka serta kaunseling kepada pengunjung.

Menurutnya,

dia datang dari Segamat semata-mata untuk menemani anaknya ke karnival tersebut bagi meninjau bidang kerjaya selain memberi sokongan dan galakan.

"Banyak ruang dan peluang kerjaya disediakan kepada pengunjung yang tidak harus kita sia-siakan, namun semuanya terserah kepada individu itu sendiri sama ada untuk menentukan masa depan yang lebih baik atau sebaliknya," jelasnya.



ZULFAKRI ZULKEFLI

NOR ATIQAH ISMAIL

WAN MOHD. ASYRAF

ISMAIL OSMAN